KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Local Government Development)
No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel: 03-8891 3969
Faks: 03-8891 3182

Ruj. Kami: KPKT.600-3/88/2 Jld.2 (80)
Tarikh: 5 April 2024

Alasim Omar Architect
F-27, Block F, 1st Floor,
Royal Plaza Putatan,
KM 11.2, Jalan Putatan,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
(u.p.: Ar. Datu Alasim bin Datu Omar)

Tuan,

BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH

Perkara: Pematuhan Rekabentuk

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan perkara - perkara berikut adalah berkaitan:

i) Surat pihak tuan no. rujukan AoA/BBPut/USBsr1 bertarikh 2hb April 2024 yang diterima oleh pejabat ini pada 3 April 2024, dan
ii) Surat pihak kontraktor no. rujukan MTR/KPKT/JBPM/2024/323 bertsirkh 27 Mac 2024 yang diterima oleh pejabat ini pada 3 April 2024.

2. Pihak kami mengambil maklum berkenaan surat jaminan kontraktor merujuk perkara (ii) untuk mengadakan 'shower head' di bilik air 'Master Bedroom' dalam tempoh tiga (3) bulan selepas 'Certificate Of Practical Completion' (CPC). Mohon pihak perunding Arkitek selaku 'Principal Submitting Person' (PSP) bagi memastikan kerja – kerja pemasangan di tapak dapat dilaksanakan dengan pengawasan untuk memastikan siap dalam keadaan sempurna dan baik.

3. Merujuk kepada para dua (2) surat tuan melalui perkara (i), pihak tuan selaku perunding Arkitek dan 'Principal Submitting Person' (PSP) bertanggungjawab untuk memastikan reka bentuk yang dihasilkan seperti termaktub dalam 'Consultancy Services Agreement' (CSA) klausa 5.5(h).

> *5.5(h) Notwithstanding clause 5.5(g), the Government may elect to remedy the defect, fault, insufficiency or inadequacy in the design as at the time such defect, fault, insufficiency or inadequacy is established and the Government shall be entitled to deduct to amount up to the limit of sum certified by the GR to be the sum required to remedy the same from any money due or to become due to the CA under this Agreement, failing which such sum shall be recovered from the Professional Indemnity Insurances take by the CA or as a debt from the CA.*

Sebarang rujukan yang dikemukakan oleh Unit Seni Bina (USB) adalah sebagai panduan sahaja. Merujuk kepada CSA, tiada sebarang perubahan yang dibuat pada 'Part B: Payment For Professional Services, 2.0 Stages Of Payment Of Fees'.

5. Melalui klausa 5.0 CA's Obligations: 5.1 Quality Of Services yang termaktub dalam CSA, pihak tuan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas reka bentuk yang dihasilkan.

Segala kerjasama dan tindakan pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

2. **(SHAZALI BIN SAMSUDIN)**
Timbalan Setiausaha Bahagian (J)1
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Salinan Kepada:

1. KPPK/W6

Edaran Dalaman:

1. KPPK/UPP
2. Fail Projek

ALASIM OMAR ARCHITECT
F-27-1, Block F, 1st Floor,
Royal Plaza Putatan, KM 11.2, Jalan Putatan
88200, Kota Kinabalu, Sabah.
email : alasim.architect@gmail.com
Tel : 088 760 752 Fax : 088 761 752

Ruj Tuan: KPKT.600-3/88/2 Jld.2(79)
Ruj Kami: AoA/BBPut/USBsr1
Tarikh: 2hb April 2024

Kepada : **KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERLAKSANAAN PROJEK,
Aras 5-8, No.51,
Persiaran Perdana, Pesint 4,
62100, Putrajaya.

DITERIMA
- 3 APR 2024
UNIT SENIBINA
BAHAGIAN PELAKSANAAN DAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN


Perhatian : **Ar. Ts. Norzaiti Binti Ahmad Zubaidi**
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Seni Bina

Puan,

Projek : **PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH.**

Perkara: **Pematuhan Rekabentuk**

Merujuk kepada surat Puan rujukan KPKT.600-3/88/2 Jld.2(79) bertarikh : 26 Mac 2024, dan Lawatan Pemeriksaan Akhir Siap Kerja yang berlangsung pada 17-18 Januari 2024 bersama wakil pejabat USB, En. Amir Farid Bin Sabuddin dan En. Mohd Harmizi bin Mat Zakaria serta wakil pejabat kami, En. Pg. Muhammad Muzmal bin Pg. Jaludin.

Bil.	Perkara	Lukisan Terkini	Maklum Balas USB	Maklum Balas Perunding Arkitek
1.	Tiada *shower head* di Bilik Air 1 Kuarters Kelas E & F	 No. Lukisan: 200413/JBPMput/TE&F – 30	Mohon pihak tuan untuk memberikan maklum balas & justifikasi berkenaan perkara ini	

Untuk tidak melengahkan penyerahan kepada pemilik bangunan, Pihak kontraktor akan membuat shower head selepas cpc.

Untuk pengetahuan, pihak kami mendapat pelan PAP dari USB seperti keadaan di atas. Pada masa tersebut, seluruh negara masih dalam PKP. Walaubagaimanapun, semasa pembinaan dan mesyuarat tapak, pihak kami telah mengetengahkan isu ini, tetapi mesyuarat memutuskan untuk tidak membuat pindaan ini.

Walaubagaimanapun, untuk tidak melengahkan penyiapan dan penyerahan kepada pemilik bangunan, kami telah membuat perbincangan dengan pihak Kontraktor, pihak kontraktor memberi **jaminan** yang mereka akan membuat *Shower Head* di bilik air di *Master Bedroom* dalam tempoh **3 bulan** selepas *CPC (certificate of practical completion)*. Disertakan surat jaminan dari Kontraktor.

Sila hubungi kami sekiranya pihak Puan memerlukan penjelasan lebih lanjut.
Sekian dan terima kasih.

Yang benar,
ALASIM OMAR ARCHITECT

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Ar. Datu Alasim bin Datu Omar
LAM Reg. Number : A/D 17
Mobile : +6 01 7474 4747

cc : Fail

KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
UNIT SENIBINA
SEKTOR BANGUNAN DAN PERANCANGAN PROJEK
BAHAGIAN PELAKSANAAN DAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
PPK | PP | PS
F | F | F
TI | M | MAN | Ar
NOTA:
sila bantu

En. Harmizi,
mohon sediakan surat 4/4/24 A.

Ar.Datu Alasim bin Datu Omar
B.Arch(UiTM) Dip.Arch(ITM)
LAM (A/D 17) PAM (M 2494)

MTR ENGINEERING SDN. BHD.
(CO.NO: 32999 -W)
1st Floor, Block C, Lot 23A, Bundusan Commercial Centre,
Jalan Bundusan, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.
E-mail:- mtrengineeringsdnbhd@gmail.com
TEL: 088-723935 FAX: 088-723934

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : MTR/KPKT/JBPM/2024/323
Tarikh : 27 Mac 2024

Alasim Omar Architect
F-27-1, Royal Plaza Putatan,
Jalan Putatan,
88200 Kota Kinabalu, Sabah

Tuan,

PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH
(KPKT/BPEMB/JPBM/6/14/2020)
- Pemasangan *Shower Rose* di Bilik Air *Master Bedroom* di Kuarters

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

02. Dengan segala hormatnya, merujuk kepada ekstrak Senarai Penemuan / Kecacatan ke atas Produk Siap bagi skop kerja Senibina Bil. 7 yang bertarikh 17hb dan 18hb Januari 2024, di mana **tiada** *shower rose* di dalam bilik air utama. Pihak kami telah merujuk lukisan pembinaan yang telah diluluskan pada peringkat awal sebelum pembinaan dimulakan.

03. Walau bagaimanapun, pihak kami **bersetuju** untuk membuat pemasangan tersebut di setiap unit yang terlibat dan pemasangan akan dibuat dalam tempoh 3 bulan selepas kelulusan *CPC*, tanpa penambahan kos. Tujuan adalah untuk tidak melambatkan penyerahan bangunan kepada pihak Bomba.

Sila hubungi kami sekiranya Tuan memerlukan penjelasan lebih lanjut.

Sekian dan terima kasih.

Yang benar,

MTR ENGINEERING SDN BHD 1st Floor, Block C, Lot 23A, Bundusan K.K., Sabah. CO. NO. 329996-W

.....
MTR Engineering Sdn.Bhd
(SUFIAN BIN SUTRESNO)
Pengurus Pembinaan

	BK-PEMB-PK(P)-09-03 SENARAI PENEMUAN/ KECACATAN KE ATAS PRODUK SIAP	Pindaan Mukasurat	00 1 / 1
		Tarikh	

PROJEK : **CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN KUARTERS PUTATAN, SABAH**

NO.KONTRAK:.....

SKOP KERJA : ****Senibina** / ~~Awam & Struktur / Mekanikal / Elektrikal~~

TARIKH : **17.01.2024 – 18.01.2024**

Bil.	PENEMUAN / KECACATAN	LOKASI	GAMBAR DIAMBIL (YA/TIDAK)	CATATAN
7.		Bilik Air *Master Bedroom* Kuarters	Ya	Tiada *shower rose* dipasang di dalam bilik air utama walaupun pembinaan telah mengikut lukisan pembinaan, namun ianya mengganggu kefungsian dan praktikaliti harian pengguna. Dikategorikan sebagai **Major Defects** kerana rekabentuk tidak praktikal dan perlu diselesaikan bagi tujuan kebolehfungsian.
8.		Tempat wudhuk	Ya	Pemasangan *goose neck tap* di tempat wudhuk menyebabkan pengguna perlu membongkok dengan sangat rendah, kurang praktikal dan membebankan pengguna. Dikategorikan sebagai **Minor Defects**. Dicadangkan penukaran kepada tap yang lebih praktikal dan sesuai.